



23 Februari 2018
23 February 2018
P.U. (A) 54

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN
(PENGEQUALIAN) 2018

FINANCIAL SERVICES (EXEMPTION) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (PENGECUALIAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 263 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Menteri, atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan (Pengecualian) 2018**.

Pengecualian daripada subseksyen 137(1) dan 138(1) Akta

2. Development Bank of Sarawak Berhad, suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], dikecualikan daripada pemakaian subseksyen 137(1) dan 138(1) Akta tertakluk kepada syarat bahawa Development Bank of Sarawak Berhad—

(a) hendaklah hanya menyetujui terima deposit daripada perbadanan yang dikawal oleh Kerajaan Negeri Sarawak;

(b) hendaklah hanya menerbitkan, atau selainnya memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan, iklan berhubung dengan penyetujuterimaan deposit kepada perbadanan yang dikawal oleh Kerajaan Negeri Sarawak;

(c) hendaklah mematuhi semua kehendak dan sekatan yang ditentukan oleh Bank berhubung dengan penyetujuterimaan deposit atau penerbitan apa-apa iklan berhubung dengan penyetujuterimaan deposit, termasuk mengambil apa-apa langkah untuk memperbetulkan keadaan jika Bank berpendapat bahawa Development Bank of Sarawak Berhad—

(i) menyetujui terima deposit mengikut cara yang memudaratkan kepentingan pendeposit atau orang awam; atau

- (ii) menerbitkan apa-apa iklan berhubung dengan penyetujuterimaan deposit yang mengelirukan atau memperdaya, atau yang mungkin mengelirukan atau memperdaya;
- (d) hendaklah tidak terlibat dalam penyediaan pembiayaan kepada mana-mana individu;
- (e) hendaklah mengemukakan suatu pengesahan bertulis kepada Bank, mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, pada setiap tahun, bahawa Development Bank of Sarawak Berhad hanya menyetujui terima deposit daripada perbadanan yang dikawal oleh Kerajaan Negeri Sarawak; dan
- (f) hendaklah mengemukakan kunci kira-kiranya kepada Bank mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Bank pada setiap tahun.

Dibuat 15 Februari 2018

[BNM/JUN/1119/40/65[KK/SID(S)/437/112012 JLD.5 (S.K.3)]; PN(PU2)718/V]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

FINANCIAL SERVICES ACT 2013

FINANCIAL SERVICES (EXEMPTION) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by section 263 of the Financial Services Act 2013 [Act 758], the Minister, on the recommendation of the Bank, makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Financial Services (Exemption) Order 2018**.

Exemption from subsections 137(1) and 138(1) of the Act

2. The Development Bank of Sarawak Berhad, a company incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777], is exempted from the application of subsections 137(1) and 138(1) of the Act subject to the condition that the Development Bank of Sarawak Berhad—

(a) shall only accept deposits from corporations controlled by the State Government of Sarawak;

(b) shall only issue, or otherwise facilitate any person to issue, advertisements in relation to the acceptance of deposits to corporations controlled by the State Government of Sarawak;

(c) shall comply with all the requirements and restrictions specified by the Bank in relation to the acceptance of deposits or issuance of any advertisement in relation to the acceptance of deposits, including to take such steps to remedy the situation where the Bank is of the opinion that the Development Bank of Sarawak Berhad—

- (i) accepts deposits in a manner detrimental to the interests of the depositors or to the public; or

- (ii) issues any advertisement in relation to the acceptance of deposits which is misleading or deceptive, or is likely to be misleading or deceptive;
- (d) shall not engage in the provision of finance to any individual;
- (e) shall submit a written confirmation to the Bank, in the manner as may be specified by the Bank, on an annual basis, that the Development Bank of Sarawak Berhad only accepts deposits from corporations controlled by the State Government of Sarawak; and
- (f) shall submit its balance sheet to the Bank in the manner as may be specified by the Bank on an annual basis.

Made 15 February 2018

[BNM/JUN/1119/40/65[KK/SID(S)/437/112012 JLD.5 (S.K.3)]; PN(PU2)718/V]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance